

# Dr Mahathir pulangkan semua kereta Proton

BH-30/8/2005

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau memulangkan semua kereta Proton yang digunakannya kepada syarikat itu kerana ia memang kenderaan yang diberikan kepadanya untuk diuji.

Bekas Perdana Menteri yang juga Penasihat Proton itu berkata, semua kereta berkenaan diberikan kepadanya untuk diuji dan ia dipulangkan semula ke ibu pejabat syarikat itu kerana beliau sudah selesai mencubanya.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, sudah menjadi amalan syarikat pengeluar kereta nasional itu menghantar setiap produk barunya untuk dicuba oleh beliau sebagai Penasihat Proton.

"Semua kereta itu dihantar kepada saya untuk diuji tetapi saya rasa dokumen mengenainya tidak dilakukan dengan sempurna. Kereta yang ada tu bukan saya punya, semuanya milik Proton.

"Jadi saya kenalah hantar balik sebab sudah selesai mengujinya... ada yang bagus, sesetengahnya saya tak tahu," katanya selepas menyampaikan ucapan bertajuk 'Pemikiran Seorang Pemikir' pada Seminar Pemikiran di sini, semalam.

Semalam, sebuah akhbar melaporkan, Dr Mahathir memulangkan tujuh kereta Proton yang digunakannya selama ini ke ibu pejabat syarikat itu di Shah Alam, baru-baru ini.

**“** Saya tidak tahu apa yang berlaku di Proton. Saya masih Penasihat tapi cuma boleh memberi nasihat jika saya tahu perkembangan semasa”

**Dr Mahathir Mohamad**  
Penasihat Proton

Difahamkan, pihak pengurusan Proton cuba memujuk Dr Mahathir supaya terus menggunakan kenderaan berkenaan tetapi beliau tetap tidak berganjak daripada pendiriannya memulangkan kereta itu.

Tindakan Dr Mahathir memulangkan kereta itu dikaitkan dengan tindakan Proton tidak memperbaharui kontrak Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff sebagai Ketua Pegawai Eksekutif syarikat nasional itu, 25 Julai lalu.

Mengulas mengenai tanggapan begitu, Dr Mahathir berkata: "Mereka boleh melihatnya dalam apa cara yang mereka mahukan, namun saya ingin tegaskan semua kereta itu bukan milik saya dan saya dah pulangkan kepada pemilik sebenarnya."

Dr Mahathir berkata, beliau cuma memiliki sebuah Proton Saga yang dibelinya.

Sementara itu, diminta mengulas kemungkinan seorang warga asing dilantik menerajui Penerbangan Malaysia (MAS), Dr Mahathir berkata, syarikat itu perlu mengambil kira pelbagai aspek termasuk penerimaan masyarakat.

"Tengok dulu, orang keliling boleh terima atau tidak sebab rakyat tempatan pun ada. Hasilnya tentu negatif jika kita hanya pandai keluarkan pandangan atau cadangan tetapi tidak memikirkannya," katanya.